

Keikhlasan Kuan Yew memohon maaf dipersoal

PULAU PINANG 3 Okt. - Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) mempersoalkan keikhlasan permohonan maaf Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dilihat hanya cuba untuk menyejukkan keadaan semata-mata.

Presiden Pemenang, Datuk Seri Mohd. Yussof Latiff yakin Kuan Yew akan terus mengeluarkan kenyataan berbau kontroversi pada masa akan datang.

Ini kerana beliau amat memahami kere-nah pemimpin negara jiran itu yang kerap mengkritik Malaysia terutama semasa za-

man pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya tidak terkejut jika selepas ini dia buat lagi sebab kita tahu perangai dia sejak dari dulu," kata veteran UMNO itu kepada pemberita di sini hari ini.

Kuan Yew dalam surat penjelasan bertarih 29 September kepada Abdullah berhubung kenyataan beliau bahawa masyarakat Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik, meminta maaf kerana kenyataannya itu menyebabkan ketidakselesaan kepada Perdana Menteri.

Suratnya itu diserahkan ke pejabat Abdullah

di Putrajaya oleh Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, T. Jasudasen, semalam.

Kenyataan Kuan Yew itu yang turut mendakwa keadaan sama berlaku di Indonesia, dikecam pemimpin Malaysia dan Indonesia kerana dilihat cuba mencampuri urusan politik negara jiran.

Menurut Yusoff, sebagai pemimpin, Kuan Yew tidak sepatutnya melatah dan mencetuskan suasana tidak baik antara Malaysia dan Singapura.

"Apa yang dia lakukan telah menjadi titik hitam dalam sejarah hubungan antara dua negara jiran ini, lagi pun dia seme-

mangnya begitu sejak zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman. Tindak-tanduknya seolah-olah mahu menjadi Perdana Menteri selepas Singapura bergabung bersama Malaysia," tegasnya.

Katanya lagi, Kuan Yew cuba mempengaruhi Tunku Abdul Rahman supaya mengambil tindakan ke atas golongan yang dilabelkan 'ultra UMNO' sekiranya mahukan Singapura' terus kekal dalam Malaysia.

Malah lebih dari itu, tambahnya, Kuan Yew memperjuangkan slogan 'Malaysian Malaysia' bertujuan menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu.